

16/08/2003

WIM cari calon anugerah Dr Siti Hasmah

KUALA LUMPUR: Institut Pengurusan Wanita (WIM) mencari wanita yang berjaya dalam kehidupan selepas mengharungi pelbagai kesusahan untuk diumumkan sebagai pemenang Anugerah Wanita Sepanjang Tahun WIM yang dinamakan Anugerah Dr Siti Hasmah.

Pengerusi WIM, Datuk Napsiah Omar, berkata calon mesti seorang yang menjadi contoh dan memberikan inspirasi kepada wanita lain melalui keteladanan yang positif, dorongan, kesungguhan, cerdik pandai, penyayang, efisien dan kepimpinan.

"Semua ini dapat dilihat dengan jelas daripada keperibadian Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Anggota Kehormat Seumur Hidup WIM.

"WIM, badan yang tidak berasaskan kepada keuntungan ditubuhkan pada 1993 dengan memberikan tumpuan kecemerlangan wanita dalam semua bidang, menjemput orang ramai mencalonkan wanita Malaysia yang membantu membangunkan diri mereka dan juga masyarakat," katanya di sini, semalam.

Napsiah berkata, calon itu perlu seorang yang bersungguh-sungguh mengharungi halangan dan kesukaran demi mencapai kejayaan dalam bidang yang dipilihnya selain menjadi sumber inspirasi serta contoh kepada masyarakat.

"Orang yang kita cari boleh jadi wanita bandar atau luar bandar, berkahwin atau belum. Calon itu mungkin banyak menyalurkan sumbangan dan menabur bakti tetapi tidak diketengahkan," katanya.

Borang pencalonan boleh diperoleh daripada sekretariat WIM di Wisma WIM, 7, Jalan Abang Haji Openg, Taman Tun Dr Ismail di sini atau boleh diperoleh daripada laman web www.wimnet.org.my, atau penaja utama iaitu Southern Bank Berhad, Ford dan Langkawi Crystaal, serta penaja bersama Habib Jewels, Kensapothecary dan majalah wanita bulanan, Jelita dan Her World.

Pencalonan ditutup 15 November dan pemenang menerima anugerah itu Januari tahun depan daripada Dr Siti Hasmah pada majlis makan malam institut berkenaan.